

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

SOALAN NO. 39

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [LEMBAH PANTAI]
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) statistik terkini pesakit buah pinggang mengikut kawasan Parlimen dan peratusan pesakit yang tidak mendapatkan rawatan lanjut ; dan
- (b) sebab mereka tidak mendapatkan rawatan lanjut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Statistik pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis adalah dikumpul mengikut negeri dan sektor iaitu kerajaan, swasta dan NGO. Berdasarkan data terkini daripada *24th Report Malaysian Dialysis and Transplant Registry 2016* terdapat seramai 39,058 pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di seluruh negara. Seramai 12,966 pesakit buah pinggang menjalani rawatan dialisis di pusat dialisis kerajaan, 18,197 di pusat dialisis swasta dan 7,895 di pusat dialisis NGO.

Untuk makluman, semua pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis akan menerima rawatan tersebut sama ada di pusat dialisis kerajaan, swasta atau NGO. Tiada pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis tidak menerima rawatan dialisis.

Sekian, terima kasih.